

Bil. S 64

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(PENGAL 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL (BIL. 3), 2010

SUSUNAN PERENGGAN-PERENGGAN

Perenggan

1. Gelaran.
 2. Pengisytiharan tempat terkawal.
 3. Pihak berkuasa.
-

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(PENGAL 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL (BIL. 3), 2010

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 5(1) dari Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Tempat Terkawal (Bil. 3), 2010.

Pengisytiharan tempat terkawal.

2. Tempat yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual di bawah ini, yang diterangkan dengan lebih khusus dalam pelan yang dinyatakan dalam ruang kedua yang disimpan di dalam pejabat Juruukur Agung, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai tempat terkawal bagi maksud-maksud Akta itu.

Pihak berkuasa.

3. Pihak berkuasa yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual di bawah ini adalah pihak berkuasa yang akan memberikan kebenaran untuk memasuki tempat terkawal itu.

JADUAL

Tempat	Nombor Pelan	Pihak Berkuasa
Bangunan dan kawasan Janakuasa Combined Cycle, Kampong Bukit Panggal, Mukim Keriam, Daerah Tutong.	GT100001TU bertarikh 13hb. April, 2010.	Pengarah Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Bertarikh pada hari ini 8 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1431 bersamaan dengan 21 haribulan Jun, 2010.

PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN
PENGARAH DATO PADUKA HAJI OTHMAN,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.